



KEMENTERIAN KERJA RAYA

KENYATAAN MEDIA

LAWATAN KERJA YB TIMBALAN MENTERI KERJA RAYA KE PROJEK PEMBINAAN TABIKA KEMAS PEKAN JUASSEH, KUALA PILAH, NEGERI SEMBILAN

KUALA PILAH, NEGERI SEMBILAN – YB Datuk Seri Dr. Ahmad Maslan, Timbalan Menteri Kerja Raya telah mengadakan Lawatan Kerja ke Projek Pembinaan TABIKA KEMAS Pekan Juasseh pada hari ini.

Projek ini merupakan projek bina baru sebuah Blok Bangunan Akedemik Setingkat, Blok Penyediaan Makanan, Pondok Wakaf, Taman Permainan serta lain-lain kemudahan. Projek ini melibatkan nilai kontrak sebanyak RM1.5juta dan dijadualkan siap pada 4 April 2027, dengan kemajuan fizikal projek semasa sebanyak 30%.

Pembangunan TABIKA KEMAS ini bertujuan untuk menyediakan sebuah ruang pendidikan awal kanak-kanak yang lebih kondusif dan selesa bagi melahirkan kanak-kanak yang mempunyai kemahiran asas membaca, menulis dan mengira disamping melahirkan kanak-kanak yang berdikari, kreatif dan inovatif. Bangunan TABIKA KEMAS ini menempatkan seramai 30 orang kanak-kanak. Projek pembangunan TABIKA KEMAS ini adalah projek dibawah Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) yang telah diluluskan peruntukan pembangunan dalam Rancangan Pusingan Ke-Lima (RP5) Rancangan Malaysia ke-Dua belas (RMKe-12) tahun 2024 dan telah dikemukakan kepada Ibu Pejabat JKR Negeri Sembilan untuk pelaksanaan.

Tapak projek terletak di atas sebahagian tanah seluas 2335meter persegi di atas Lot 6056, Daerah Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Faedah daripada perlaksanaan projek ini adalah ianya akan memberi kemudahan kepada penduduk setempat memberi pendidikan awal bagi kanak-kanak berumur empat hingga enam tahun yang mana merupakan pogram tidak formal yang menyediakan pengalaman pembelajaran kanak-kanak sebelum dimasukkan ke tahun satu di sistem persekolahan formal.

KKR dan JKR kekal komited memberi keutamaan kepada projek-projek berimpak tinggi yang memberi manfaat langsung kepada rakyat.

KEMENTERIAN KERJA RAYA

15 JULAI 2026